

**Agong Terima Watikah Pelantikan Duta Amerika Syarikat  
Bernama  
2 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan menerima watikah pelantikan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia Joseph Y. Yun dan mengurniakan watikah perlantikan Duta Malaysia ke Indonesia Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim, di Istana Negara, di sini. Turut berangkat ke majlis itu Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. Seri Paduka juga berkenan menerima watikah perlantikan daripada sembilan lagi ketua perwakilan asing iaitu Cho Byungjae dari Korea Selatan, Yazkuli O. Mammedov (Turkmenistan), Holger Wilfried Michael (Jerman), Harry Molenaar (Belanda), Basim Hatab Habash Al-Tumma (Iraq), Saad Abdullah Saleh Al-Sousi (Kuwait), Daniyar Sarekenov (Kazakhstan), Dr Alpha Diallo (Guinea) dan Christophe Ceska (Austria). Selain Zahrain, Seri Paduka juga berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Duta Malaysia ke India yang baharu, Datuk Naimun Ashakli Mohammad. Sebelum ini, Zahrain adalah bekas anggota Parlimen Bayan Baru manakala Naimun Ashakli merupakan Ketua Protokol Kementerian Luar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982348>